

26/04/2000

Manfaat 40 tabung

USAHA bersepadu perlu diselaras bagi memastikan usahawan mendapat manfaat sepenuhnya daripada 40 Tabung Pembangunan Usahawan sedia ada yang belum menggunakan dana terkumpul lebih RM36 bilion.

Senator Rosli Mat Hassan ketika membahaskan usul Rang Undang-Undang Perbekalan 2000 berkata, pendedahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, perlu dijadikan iltizam untuk bertindak proaktif oleh agensi yang bertanggungjawab mengagihkan bantuan kewangan terbabit.

(END)